



DBKL cadang bangun sekolah konsep baharu hingga 17 tingkat

DBKL cadang bina sekolah hingga 17 tingkat

la kerana keperluan tanah terhad serta pertambahan penduduk

Oleh **NURHIDAYAH HAIROM**
KUALA LUMPUR

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ber-cadang membangunkan sekolah dengan konsep baharu iaitu membabitkan pembinaan bangunan setinggi antara 10 hingga 17 tingkat di sekitar pusat bandar raya bagi memenuhi keperluan tanah terhad serta pertambahan penduduk di ibu negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berkata, konsep berkenaan tidak akan mengetepikan semua elemen penting pelajaran seperti kemudahan yang ada dalam pembangunan sedia ada.

Menurutnya, cadangan berkenaan akan dibincangkan bersama Kementerian Pendidikan (KPM) bagi tujuan pelaksanaannya kelak.

Konsep ini digunakan secara meluas di Australia dan ia dibina secara konvensional, merangkumi padang serta blok bangunan dipadatkan menjadikan sekolah dua blok antara 10 hingga 17 tingkat.

“(Konsep) ini (dibuat) tanpa kita mengorbankan elemen penting dalam pelajaran, sukan dan rekreasi, selain ia memanfaatkan ruang atas bumbung,” katanya ketika sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat pada Selasa.

Dalam pada itu, Dr Zaliha berkata, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) sudah mengenal pasti 139 tapak dengan keluasan 1,228.95 hektar untuk pembinaan projek yang akan dibuat secara pembangunan semula pada masa akan datang.

Katanya, pembangunan itu akan dibuat seiring Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) dan Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (DPTKL2040).

“Bagi memastikan sasaran ini tercapai, Draf PTKL2040 memperkenalkan Zon Guna Tanah Kediaman 4 (R4), iaitu zon khusus bagi pembangunan rumah mampu milik termasuk perumahan awam dengan keluasan 354.47 hektar.

“Perumahan mampu milik



Dr Zaliha ketika sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat pada Selasa.

juga dirancang di zon pembangunan kediaman berintensiti tinggi, zon perdagangan dan zon pembangunan bercampur, dengan tambahan keluasan 253.39 hektar,” katanya.

Jelas beliau, keluasan berpotensi tersebut untuk semua jenis kategori rumah mampu milik, tidak terhad kepada projek JWP-Residensi Madani dan Projek Rumah Wilayah Persekutuan (RUMAWIP).

“Perancangan itu tidak hanya tertumpu kepada tanah kerajaan, tetapi turut mengambil kira penyertaan sektor swasta, selaras kelulusan dan komitmen diberikan bagi tempoh sehingga 2040,” katanya.

Tambah beliau, sebagai langkah proaktif dan inisiatif

kreatif bagi memastikan perumahan mampu milik dapat diakses golongan memerlukan, Draf PTKL2040 turut menyenaraikan enam tapak bagi Perumahan Awam Sewa Bersubsidi (PASS) di atas tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Katanya, ia bertujuan menyediakan kediaman sewaan berpatutan, khusus bagi golongan B40 dan sebahagian daripada M40.

“Justeru, pembangunan rumah mampu milik di Kuala Lumpur akan dilaksanakan secara lebih tersusun dan inklusif, selari keperluan visi Bandar CHASE yang menjadi rujukan pembangunan Wilayah Persekutuan,” ujarnya.

FOTO: JABATAN PENERANGAN MALAYSIA